




### Program Youth Defined: Shape Our Future bermula di UPM



**SERDANG, 12 Sept** – Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi destinasi pertama program Youth Defined: Shape Our Future sebelum diteruskan ke seluruh institut pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara.

Program anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) itu dengan kerjasama agensi bukan kerajaan (NGO) myHarapan Foundation bertujuan mengetengahkan pendapat mahasiswa untuk menjayakan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP).



Program yang akan berlangsung selama sebulan itu berjaya menghimpunkan lebih 1000 pemimpin mahasiswa di seluruh negeri Selangor.

Pada program itu mereka bukan sahaja diberi penerangan mengenai GTP dan ETP malah turut bersama-sama menggembangkan idea bagi membantu menjayakannya.

Program Youth Defined: Shape Our Future akan diteruskan ke 10 zon lain di seluruh negara dan akan berakhir di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 22 Oktober depan dengan anggaran penyertaan seramai 13,500 mahasiswa.

Idea mahasiswa mengenai GTP serta ETP melalui program Youth Defined: Shape Our Future itu akan didokumenkan untuk diserah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.



Menteri pengajian Tinggi , Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin ketika merasmikan program itu berkata, ia merupakan pengiktirafan kepada 1.2 juta mahasiswa seluruh negara yang berperanan sebagai agen utama merealisasikan agenda transformasi negara.

"Pendedahan maklumat mengenai GTP dan ETP melalui program Youth Defined: Shape Our Future akan menjadikan mahasiswa kita seorang warganegara yang prihatin dan cintakan negara kerana ia melatih mereka berfikir dan melahirkan idea yang bertindak sebagai perentu masa depan negara," katanya.



Hadir sama pada majlis itu, Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohad, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Dato' Dr. Rujhan Mustafa dan Pengerusi myHarapan Foundation, Roslan Zakaria.

Menurut Khaled, melalui program itu juga mahasiswa akan didedahkan dengan proses Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang dilaksanakan kerajaan.

"Mahasiswa akan melihat cabaran seperti mengurangkan jenayah, membanteras rasuah dan mempertingkatkan akses kepada pendidikan berkualiti di universiti," jelasnya.

**Berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran Dan Komunikasi (MarComm)  
(Mohd Martin Kahar, Foto (Noor Azreen Awang, 03-89466199)**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia